



اونيورسيتي مليسيا فهغ السلطان عبدالله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

IKLAN JAWATAN BENDAHARI / KETUA PEGAWAI KEWANGAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti ingin mempelawa calon-calon berkeelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan.

A. MAKLUMAT PERJAWATAN

1. **Jawatan** : Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
2. **Gred Gaji** : Gred W54 / Gred Utama C (VU7)
3. **Jadual Gaji** : W54 - Minimum: RM6,122.00 Maksimum: RM13,180.00
VU7 - Minimum: RM7,676.00 Maksimum: RM20,592.00
4. **Taraf Lantikan** : Tetap / Peminjaman / Kontrak
5. **Tempoh Lantikan** : Tidak melebihi tiga (3) tahun untuk setiap lantikan dan tertakluk kepada keputusan Lembaga Pengarah Universiti

B. KELAYAKAN AKADEMIK

1. Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perdagangan atau pengajian perniagaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
2. Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana Muda Kepujian dalam bidang perdagangan atau pengajian perniagaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
3. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; **ATAU**
4. Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; **ATAU**
5. Mempunyai Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan; **ATAU**
6. Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

C. KRITERIA UMUM

1. Warganegara Malaysia yang pernah memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan di mana-mana Universiti Awam atau Swasta, badan-badan kerajaan, syarikat-syarikat multinasional, *Government Link Company* (GLC) atau mana-mana syarikat yang terkemuka dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan. Namun demikian calon-calon yang berumur 45 hingga 55 tahun adalah diberi keutamaan.
3. Mempunyai pengalaman luas dalam bidang kewangan, pengurusan dan pentadbiran khususnya sekurang-kurangnya 10 tahun.
4. Calon bagi jawatan ini mestilah mempunyai kriteria-kriteria seperti berikut :
 - i. **Kecemerlangan Akademik**

Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (PhD) adalah satu kelebihan. Mendapat "*command of respect*" dari kalangan rakan sejawat. Mempunyai rekod cemerlang dalam pengurusan serta cemerlang dalam khidmat profesional.
 - ii. **Kebolehan Memimpin & Mengurus**

Mempunyai *people skill* yang boleh menerajui transformasi dan mempunyai gagasan, visi dan misi selaras *core business* Universiti serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya- kerja cemerlang.
 - iii. **Reputasi**

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf. Mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati berdasarkan kredibilitinya oleh semua masyarakat kampus, organisasi di mana dia berkhidmat dan masyarakat luar.
 - iv. **Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal Yang Mantap**

Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap dalam mentadbir pelbagai lapisan masyarakat kampus yang *multicultural*.
 - v. **Personaliti**

Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai semangat dalaman yang kuat untuk memacu kecemerlangan Universiti.

D. KRITERIA KHUSUS & SKOP TUGAS

1) Kecemerlangan Pengurusan Kewangan

- i. Berpengalaman sebagai Ketua Jabatan Kewangan di mana-mana Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta, Badan-badan Kerajaan, Syarikat-syarikat Multinasional, *Government Link Company (GLC)* atau mana-mana syarikat yang terkemuka dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
- ii. Berkeupayaan dalam mengurus sumber kewangan dengan telus dan mencapai nilai untuk wang dan hasil yang optimum (*value for money*).
- iii. Berkemampuan untuk menyediakan perancangan kewangan yang jelas dan berstrategi meliputi pengurusan bajet, *cost benefit analysis*, *forecasting needs* dan peluang-peluang pembiayaan baru.
- iv. Mampu dalam memastikan sesuatu perancangan kewangan dilaksanakan dan dikawal dengan baik melalui sistem analisis kewangan yang cekap, selain mematuhi semua keperluan dalam peraturan kewangan/ tatacara kewangan/ arahan perbendaharaan dan perancangan kewangan Universiti yang telah dibangunkan.
- v. Berkemampuan dalam mengurus dan menyelaraskan semua aktiviti laporan fiskal untuk organisasi termasuk hasil organisasi/ perbelanjaan dan laporan kunci kira-kira, laporan kepada agensi-agensi pembiayaan, pembangunan dan pemantauan belanjawan organisasi dan kontrak/ geran.
- vi. Membangunkan dan mengekalkan sistem kawalan dalaman yang kukuh untuk melindungi aset-aset kewangan universiti.
- vii. Menyelia dan menyelaraskan aktiviti juruaudit bebas yang memastikan semua isu-isu audit diselesaikan dan semua isu-isu pematuhan dipenuhi serta penyediaan penyata kewangan tahunan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.

2) Pengurusan Perubahan dan Risiko

- i. Berkeupayaan dalam menguruskan perubahan dalam organisasi secara berkesan dengan menggunakan segala sumber dan keupayaan sedia ada dan berusaha mengurangkan risiko dalam setiap hasil kerja yang dilaksanakan melalui aktiviti pengurusan risiko yang baik.
- ii. Berkepakaran dalam mentafsir dan melaksanakan peraturan-peraturan kerajaan dan perbendaharaan, urusan-urusan audit dan undang-undang yang berkaitan secara holistic.

3) Berkemahiran Menjana Kewangan Universiti

- i. Berkeupayaan untuk menjana kewangan dan peluang pelaburan Universiti.
- ii. Berpandangan jauh dalam menentukan hala tuju universiti dalam urusan yang berkaitan dengan hal ehwal kewangan dan pelaburan (*Business Minded*).
- iii. Mampu untuk membangunkan kapasiti kewangan sedia ada selain mengenal pasti peluang-peluang baru, merancang penggubalan belanjawan dan menentukan keberkesanan kos bagi setiap penyampaian perkhidmatan.

4) Mempunyai jaringan hubungan yang luas

- i. Mengoptimalkan sumber-sumber organisasi untuk memenuhi keperluan pelanggan.
- ii. Berkebolehan menjalin hubungan kerjasama dan menerapkan nilai-nilai kebersamaan dengan anggota kerja dalam organisasi.
- iii. Berkebolehan mengenal pasti dan mengambil peluang untuk membina perkongsian strategik dari segi maklumat, idea, pengetahuan dan kepakaran dengan pelbagai pihak untuk faedah dan kepentingan organisasi.

E. CARA PERMOHONAN

Calon yang berminat untuk mengisi jawatan ini perlulah mengemukakan permohonan rasmi berserta dokumen seperti berikut:

- i. **Leadership Curriculum Vitae (LCV) berserta gambar (Lampiran A);**
- ii. **Curriculum Vitae (CV) yang lengkap;**
- iii. **Salinan sijil-sijil yang berkaitan;**
- iv. **Kertas cadangan ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang sekiranya dilantik sebagai Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan; dan**
- v. **Sokongan Ketua Jabatan.**

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut :

Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Canseleri Tun Abdul Razak
26600 Pekan, Pahang Darul Makmur
(u/p: Encik Mohd Nazmi bin Sahdan)

Atau melalui email : mnazmi@ump.edu.my

Tarikh Tutup Permohonan : 11 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)

Sebarang pertanyaan bolehlah dikemukakan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, UMP di talian : 09-431 6353 / 6383 atau e-mel : mnazmi@ump.edu.my

Nota:

- a. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk sesi temu bual.
- b. Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan / temu bual jawatan ini tidak akan ditanggung oleh UMPSA.
- c. Permohonan yang tidak menerima jawapan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan jawatan ditutup hendaklah dianggap tidak berjaya.